

11 APR 1997

Mahathir-Pendekatan

MALAYSIA TOLAK SEBARANG BENTUK TEKANAN

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak dapat menerima mana-mana individu atau negara yang cuba mendesaknya melakukan sesuatu yang ia rasakan tidak baik.

Ketika bercakap semasa sesi dialog dengan tokoh-tokoh korporat Britain di Pusat Dagangan dunia Putra di sini, Perdana Menteri berkata Malaysia lebih yakin kepada langkah-langkah yang membina daripada mengenakan tekanan.

"Ini adalah pendekatan kami dan saya rasa pendekatan kami lebih membina daripada hanya sering melaung-laungkan bahawa kami akan mengenakan sekatan. Saya rasa itu (ancaman untuk mengenakan sekatan) merupakan cara tidak baik untuk mempengaruhi negara-negara lain," katanya pada dialog itu yang berlangsung selepas beliau merasmikan mesyuarat bersama Persatuan Malaysia-Britain dan Persatuan Britain-Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau sering bercakap mengenai pendekatan alternatif terhadap menyelesaikan sesetengah masalah antarabangsa.

Tetapi, katanya, selalunya pendekatan Malaysia tidak dihargai oleh Eropah dan Amerika kerana mereka merasakan bahawa satu-satunya jalan untuk mendispilinkan orang ialah dengan "memukul punggung mereka".

Dr Mahathir berkata: "Kami berpendapat dengan berbincang kami akan berjaya. Pihak itu mungkin betul atau kami mungkin salah. Kebanyakan orang tidak suka dengan tekanan dan apa yang sering berlaku ialah mereka melawan balik dan ketika itu mereka tidak fikirkan sama ada mereka benar atau salah."

Perdana Menteri berkata kejayaan Malaysia telah membantu ke arah perubahan pemikiran dan sikap beberapa negara yang beliau percaya telah menyumbang kepada kejayaan beberapa negara komunis di Asia Tenggara malah sesetengah negara Afrika yang sedia mendapatkan bantuan Malaysia.

"Saya rasa lebih baik kami mengadakan perbincangan dengan mereka. Mungkin kami mempunyai terlalu banyak nilai pada diri kami tetapi kami rasa kami telah berupaya mempengaruhi sejumlah besar negara sejak beberapa tahun lalu.

"Sesetengah negara bekas komunis di rantau ini mendapati sukar untuk memahami sistem ekonomi dagangan bebas dan bagaimana ia dilakukan. Mereka pergi ke Eropah dan Amerika untuk menilai sistem di sana tetapi mereka yakin ia tidak boleh berjaya kerana mereka mengkritik Eropah dan Amerika yang mempunyai tanggapan tersendiri mengenainya," katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir mereka lebih selesa dan yakin bahawa sistem dagangan bebas boleh berjaya jika mereka datang ke Malaysia dan melihat orang yang sama seperti mereka mengamalkannya.

"Mereka lebih bersedia mendengar nasihat kami dan oleh itu mereka datang ke Malaysia dan tidak ke Britain. Itulah caranya kami mendekati mereka kerana Malaysia mempunyai program besar yang telah membantu banyak negara membangun seperti dari Kepulauan Pasifik, Afrika dan Asia Tenggara," katanya.

Mereka dibawa ke sini dan didedahkan dengan apa yang berlaku di Malaysia termasuk bagaimana pasaran ekonomi bebas dilaksanakan, jenis perancangan ekonomi dan pendekatan kerajaan, dalam memperbetulkan ketidaksamaan antara kaum di Malaysia.

Dr Mahathir berkata: "Kami turut membantu mereka daripada segi pentadbiran, bagaimana mengamalkan demokrasi, mengendalikan pasaran ekonomi bebas dan bagaimana menyediakan rangka kerja lebih besar bagi pelaburan

asing."

Semua ini, katanya, telah dilakukan bagi meyakinkan mereka bahawa pasaran ekonomi bebas dan demokrasi tidak akan memusnahkan mereka tetapi sebaliknya membantu negara mereka untuk maju.

"Disebabkan itu banyak bekas negara komunis telah mengamalkan pasaran ekonomi bebas walaupun mereka belum lagi mengamalkan demokrasi. Kami rasakan bahawa apabila tiba masanya mereka akan menerimanya kerana demokrasi tidak menjejaskan mereka," katanya.

Dr Mahathir turut membidas media Barat terutama akhbar Britain yang memperbesar-besarkan hanya aspek negatif tetapi gagal melaporkan perkara yang benar.

"Saya rasa perlu bagi media Britain untuk datang ke sini dan melihat apa yang sedang kami lakukan dan mereka harus mempelajari serta memahami sensitiviti orang lain dan membantu menyumbang ke arah hubungan lebih baik antara rakyat kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

ZAB RON MAI